

# Pendebat terlalu terikat dengan tajuk bahas

**P**ENGISIAN debat tidak sepatutnya tertumpu kepada tajuk yang diberi sebaliknya perlu dikembangkan kepada isu sokongan supaya banyak perkara boleh dijadikan hujah untuk membidas fakta yang diutarakan pasukan lawan.

Hakim bahagian pengisian Pertandingan Debat Kefahaman Islam antara Institut Pengajian Tinggi (IPT), Dr Mohd Zaidi Ismail berkata, apabila terlalu menumpukan kepada tajuk menyebabkan fakta yang dikemukakan pendebat agak terbatas.

Beliau yang juga Pengarah Pusat Sains dan teknologi Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) berkata, debat mengenai kefahaman Islam menekankan mengenai soal isi kerana isi yang bernas melalui hujah diberi membuktikan tahap pemahaman pendebat dalam membicarakan sesuatu topik.

"Contohnya, tajuk *ICT Melahirkan Masyarakat Yang Kurang Berfikir*, banyak perkara pendebat lepas pandang kerana terlalu terikat dengan tajuk. Selain itu, fakta yang

diberi hanya berdasarkan kes di Malaysia sedangkan rujukan bersandarkan kepada luar.

"Bagaimanapun, sukar juga untuk kita meletakkan harapan tinggi kerana pendebat terdiri daripada pelajar tahun satu. Lagipun, penyelidikan memerlukan masa yang panjang bagi menghasilkan hujah dengan pengisian hebat," katanya.

Beliau yang menghakimi bidang pengisian pada pertandingan peringkat separuh akhir yang mempertemukan pasukan Universiti Malaya (UM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), bagaimanapun berbangga dengan penggunaan kata serta adab pendebat dalam pengendalian isi hujah mereka.

Empat pasukan bertanding pada peringkat separuh akhir Pertandingan Debat Kefahaman Islam antara IPT anjuran Ikim yang berlangsung Khamis lalu. Selain UM dan UIAM, dua lagi pasukan ialah pendebat dari Universiti Teknologi Mara (UTM) dan

Universiti Sains Islam Malaysia (Usim).

UM sebagai pencadang dan UIAM pembangkang, mendebatkan tajuk *ICT Melahirkan Masyarakat Yang Kurang Berfikir* sementara *Program Angkasawan Negara Menguntungkan Negara* diperdebatkan kumpulan UTM dan Usim.

Hakim persembahan, Hazimin Jamaludin berkata, persembahan pasukan UTM dan Usim yang sengit ibarat pertarungan Hang Jebat dengan Hang Tuah menyebabkan dewan berhawa dingin terasa hangat.

Katanya, walaupun pendebat bijak mengatur hujah dengan fakta tetapi dari segi penyampaian isi, mereka perlu lebih tertib supaya hakim dapat membaca isi dengan jelas dan hadir faham apa yang diperkatakan.

"Keseluruhan persembahan bagus kerana selalunya pada peringkat separuh akhir ini kesilapan kecil kurang berlaku dan pendebat berjaya melontar hujah dengan baik. Mereka banyak membuat penilaian sepanjang pertandingan.

"Cuma pada masa akan datang, elakkan guna satu antonasi. Perlu tahu di mana suara perlu dinaikkan dan diturunkan untuk merentap jiwa pendengar. Ada pendebat daripada awal hingga akhir, suaranya tinggi saja," katanya.

Sementara itu, hakim bahasa, Sallehuddin Abg Shokeran berkata, pemilihan kata diselang seli dengan pantun serta perumpamaan berjaya menarik perhatian dan menjadikan persembahan pendebat lebih menarik.

Beliau berkata, kejayaan pendebat menggunakan bahasa yang berkesan boleh dilihat daripada maklum balas hadirin yang memberi tumpuan kepada lontaran idea pasukan bertanding ketika mengikuti perdebatan.

"Saya tengok hadirin memberi tumpuan penuh dari mereka bertepuk apabila ada idea yang dilontar pendebat menarik perhatian mereka. Ini menunjukkan pendebat menggunakan bahasa yang cukup berkesan," katanya.

Pada pertandingan peringkat separuh akhir, UM mengalahkan UIAM dan dengan kejayaan itu, mereka akan bertemu Usim yang menghalang kemaraan UTM untuk bertanding pada peringkat akhir pada 8 Januari depan.



“Debat mengenai kefahaman Islam menekankan mengenai soal isi kerana isi yang bernas melalui hujah diberi membuktikan tahap pemahaman pendebat dalam membicarakan sesuatu topik. Banyak perkara pendebat lepas pandang kerana terlalu terikat dengan tajuk”

**Dr Mohd Zaidi Ismail**

Pengarah Pusat Sains dan teknologi Institut Kefahaman Islam Malaysia



**BAKAT MUDA:** Pendebat dari Usim, dari kiri Mohd Hariri Mohamad Daud, Ummu Umairah Azahari, Mohd Zaini Othman dan Mohd Razlan Ahmad.